



## TINJAUAN AWAL TERHADAP PERMASALAHAN DAN KEPERLUAN PEMBINAAN ELEMEN MODEL KEJIRANAN BERASASKAN MANHAJ RABBANI

### [A PRELIMINARY OVERVIEW OF THE PROBLEMS AND THE NEED FOR NEIGHBORHOOD-BASED MODEL DEVELOPMENT WITH THE ELEMENTS OF MANHAJ RABBANI]

NORUL HUDA BAKAR, AZIZAH MOHD RAPINI, MARLIANA ABDULLAH  
& NOOR SYAHIDA ABDUL RAHMAN<sup>1</sup>

1\* Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.  
Email: norulhuda@kuis.edu.my; azizah@kuis.edu.my; marliana@kuis.edu.my; syahida@kuis.edu.my

Correspondent Email: norulhuda@kuis.edu.my

---

*Received: 13 July 2023*

*Accepted: 15 August 2023*

*Published: 14 September 2023*

---

**Abstrak:** Kejiranan merupakan elemen penting dalam pembentukan masyarakat dan negara yang aman dan harmoni. Islam sangat menitik beratkan hubungan kejiranan dengan menetapkan adab-adab yang boleh menjamin kesejahteraan dan keharmonian setempat sebagai salah satu bentuk *habluminnas*. Dewasa ini isu-isu kejiranan dilihat semakin menjejaskan hubungan kemasyarakatan melibatkan isu komunikasi, keselamatan, kebersihan, gangguan ketenteraman dan beberapa masalah sosial yang lain. Kajian ini bertujuan untuk meneroka permasalahan kejiranan dan keperluan membina elemen model kejiranan berasaskan manhaj Rabbani. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan literatur kajian sedia ada. Kajian ini mendapati wujud keperluan pembinaan elemen model kejiranan berasaskan manhaj Rabbani rentetan dari masalah-masalah dalam komuniti kejiranan di Malaysia yang melibatkan kebersihan persekitaran, keselamatan, toleransi dan komunikasi. Justeru, kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai panduan asas pembinaan model kejiranan yang berasaskan manhaj Rabbani.

**Kata kunci:** Jiran; Model kejiranan; Kejiranan Islam; Masyarakat harmoni; Manhaj Rabbani

**Abstract:** Neighborhood is an important element in a peaceful and harmonious society and country. Islam concern a great emphasis on neighborly relations by establishing rules and ethics that guarantees local well-being and harmony to uphold *habluminnas*. Recently, neighborhood issues are seen to be increasingly affecting social relations involving communication problems, safety, hygiene, public nuisance, and several other social problems. This study aims to explore neighborhood problems and the need for neighborhood model development with the elements of Manhaj Rabbani. This study is a qualitative study resorting the content analysis method towards existing research literatures. This study proposes there is a need for neighborhood model development with the elements of Manhaj Rabbani due to problems arise within our neighborhood communities in Malaysia which involve the issues of environmental cleanliness, safety, tolerance, and communication. Therefore, this study is expected to be used as a basic guide for developing a neighborhood model based on Manhaj Rabbani.

**Keywords:** Neighbors; Neighborhood model; Muslim neighborhood; Harmonious society; Manhaj Rabbani

**Cite This Article:**

Norul Huda Bakar, Azizah Mohd Rapini, Marliana Abdullah & Noor Syahida Abdul Rahman. (2023). Tinjauan Awal Terhadap Permasalahan dan Keperluan Pembinaan Elemen Model Kejiranan Berasaskan Manhaj Rabbani [A Preliminary Overview of The Problems and The Need for Neighborhood-Based Model Development with The Elements of Manhaj Rabbani]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 47-59.

## **PENGENALAN**

Islam adalah agama yang sangat mementingkan hubungan persaudaraan dan sentiasa menganjurkan umatnya hidup bersatu-padu dalam kehidupan berkeluarga, berjiran, bermasyarakat dan bernegara. Hubungan kejiranan yang baik merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan dalam Islam. Perkara ini jelas disebut dalam surah al-Nisa' ayat 36 yang bermaksud:

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu menyekutukanNya dengan sesuatu apa pun. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar serta hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.

Rasulullah SAW menekankan hubungan kejiranan dengan menyebutkan dalam hadithnya yang bermaksud:

Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya. Dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, hendaklah dia menghormati tetamunya. Dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat, hendaklah dia berkata yang baik atau hendaklah dia diam (Riwayat Muslim).

Rasulullah SAW juga menyebut bahawa antara tanda mendapat kebahagiaan, ketenangan dan kedamaian hidup ialah dengan mempunyai jiran yang baik dan dapat mengukuhkan serta mengekalkan keharmonian hidup berjiran. Ini kerana, jiran yang baik akan membantu mewujudkan suasana yang baik sekaligus mempengaruhi kebahagiaan hidup seseorang. Rasulullah SAW berpesan yang bermaksud:

“Empat daripada kebahagiaan: perempuan yang solehah, tempat tinggal yang luas, jiran yang soleh, kenderaan yang selesa, dan empat daripada kecelakaan: jiran yang jahat, perempuan yang jahat tempat tinggal yang sempit dan kenderaan yang teruk” (Sahih Ibnu Hibban, Kitab Nikah, Bab *zikrul ihbari 'anil ashya'il lati hiya min*, No Hadis: 4122).

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa hubungan kejiranan yang baik adalah tuntutan agama yang perlu direalisasikan bagi memastikan kebaikan, keharmonian dan perpaduan hidup bermasyarakat dapat dilestarikan. Ditambah lagi, dengan penerapan semangat kejiranan dalam diri dan masyarakat dapat memberi kesan terhadap kejiranan yang aman dan harmoni sekaligus menghasilkan sebuah masyarakat yang berkualiti dalam sesebuah negara.

Merujuk hasil dapatan kajian-kajian lepas, menjelaskan bahawa hubungan kejiranan yang harmoni ternyata memberi impak positif dan memberi kebaikan dalam sesebuah masyarakat dan negara. Antaranya menyebutkan bahawa hubungan kejiranan yang erat dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan memupuk perpaduan antara kaum di Malaysia (Maisarah Saidin, 2020). Selain itu hubungan kejiranan juga dapat memupuk nilai murni seperti saling hormat-menghormati, bertoleransi serta berbuat baik sesama jiran. Lebih daripada itu, hubungan yang kukuh antara jiran tetangga juga mampu meningkatkan kestabilan politik, mengurangkan kadar jenayah, menjana pembangunan ekonomi, menjaga kebajikan sosial masyarakat serta membina kepercayaan dalam kalangan kejiranan (Alauddin Sidal & Ooi Seong Kang, 2016; Maisarah Saidin, 2020). Kajian (Mohd Nasir et al., 2018) menjelaskan lagi tentang hubungan kejiranan yang menjadi salah satu faktor mempengaruhi tingkah laku remaja menjadi baik dan terhindar daripada melakukan gejala sosial. Dari aspek yang lain, didapati kesan daripada hubungan kejiranan yang baik dapat membentuk kawasan kejiranan yang kondusif yang dapat meningkatkan kepuasan dan kesejahteraan hidup bagi penduduk dalam sesebuah kawasan kejiranan (Abdul Ghani Salleh & Nurwati Badarulzaman, 2012).

### **Konsep Kejiranan Menurut Islam**

Maksud jiran dalam Kamus Dewan (2005) ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah seseorang. Manakala maksud jiran menurut syarak ialah orang yang berdekatan dengan rumah sama ada yang berada di sebelah kanan, kiri, depan atau belakang, di tingkat atas ataupun di bawah sehingga 40 rumah dari setiap sudut.

Menurut pandangan ulama Mazhab Syafi'i dan Hambali maksud jiran adalah orang yang berada dalam lingkungan 40 buah rumah dari segala arah iaitu depan, belakang, kanan, kiri dan lain-lain. Manakala Ulama Mazhab Maliki pula menjelaskan jiran sebagai mereka yang berada di sekeliling atau bertentangan yang hanya dipisahkan dengan jalan yang sempit, bukan sesuatu pemisah yang besar seperti pasar atau sungai yang lebar. Termasuk juga dalam maksud jiran mereka yang disatukan oleh sebuah masjid yang sama atau yang berada antara dua masjid yang berdekatan (Suriani & Halimatus Sa'diah, 2018).

Manakala menurut pandangan Ibn Hajar (1959) maksud jiran merangkumi semua individu tidak kira sama ada muslim atau kafir, baik yang beribadah mahupun fasiq, sama ada rakan atau musuh, asing atau senegeri, memberi manfaat atau mudarat serta mempunyai hubungan kekeluargaan atau tidak ada hubungan. Termasuk juga yang berhampiran rumahnya atau yang jauh, maka mereka semua memiliki hak dan kedudukan yang sama antara satu sama lain.

Kesimpulannya maksud jiran menurut pandangan Islam ialah semua orang Muslim dan kafir, orang yang taat beribadah atau orang fasiq, teman atau musuh, orang asing atau peribumi, orang baik atau orang jahat, saudara atau bukan, yang berdekatan rumahnya atau yang jauh, yang tinggal di atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang dalam lingkungan 40 buah rumah.

Jiran terbahagi kepada tiga kategori iaitu (Maisarah et al., 2020):

1. Jiran Muslim yang memiliki hubungan darah; ia memiliki tiga hak iaitu hak sesama Islam, hak kekeluargaan dan hak kejiranan.
2. Jiran Muslim yang tiada hubungan darah; dan ia mempunyai dua hak iaitu hak sesama Muslim dan hak kejiranan.
3. Jiran yang kafir, mereka ini hanya mempunyai satu hak sahaja iaitu hak kejiranan.

Berdasarkan kategori jiran seperti di atas, menjelaskan bahawa Islam sangat menganjurkan umatnya memelihara hak kejiranan tanpa mengira latar belakang agama dan kepercayaan. Islam sangat mementingkan kesejahteraan dan keamanan di antara manusia khususnya sesama Islam. Hal ini merujuk kepada perintah Allah SWT dalam al-Quran agar berbuat baik kepada jiran tetangga. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 36 bermaksud:

“Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua. Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri.”

Ayat ini menunjukkan tuntutan berlaku baik kepada jiran merupakan satu tuntutan yang besar seperti mana tuntutan menyembah Allah SWT. Untuk itu, Allah SWT menyediakan azab yang pedih buat orang yang suka menyakiti jirannya tetangganya. Rasulullah SAW juga turut menegaskan tentang peri pentingnya melakukan kebaikan kepada jiran tetangga. Daripada Abi Syuraih RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya.” [Riwayat Muslim (77)]

Imam al-Nawawi (2000) menukilkan kata-kata daripada al-Qadhi 'Iyadh bahawa makna hadith ini adalah sesiapa yang beriltizam dengan syariat Islam maka wajib ke atasnya untuk memuliakan atau berlaku baik kepada jiran dan tetamunya. Ini menunjukkan kepentingan hak berjiran serta galakan supaya memeliharanya.

Dalam kajian Hamzah et al. (2018) menerangkan berkaitan dengan hak jiran yang perlu dipelihara ialah:

1. Mencegah diri agar tidak menyakiti.
2. Bersabar jika disakiti.
3. Menghormati dan berbuat baik kepadanya.

Islam juga telah menggariskan beberapa prinsip yang perlu dipenuhi sesama jiran.

1. Saling Hormat Menghormati dan Bersikap Toleransi. (Suriani Sudi & Halimatussa'diah, 2018; Maisarah Saidin et al., 2020).

Perbuatan berbuat baik kepada jiran dan menghormati mereka merupakan perintah dari Allah SWT serta bukti keimanan sebagaimana yang disebut dalam sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berlaku baik pada jirannya. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan tetamunya dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah berkata yang baik atau -kalau tidak dapat berkata baik- maka hendaklah berdiam saja".

Hadis ini menunjukkan kepentingan hak berjiran serta galakan memelihara hak jiran tersebut. Nabi Muhammad SAW juga mengingatkan agar memuliakan jiran dan berbuat baik kepada mereka seperti mana melayani kaum keluarga sendiri. Tuntutan ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan Abdillah bin 'Amr ra, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: "Sebaik-baik teman di sisi Allah adalah seseorang yang terbaik terhadap temannya. Manakala sebaik-baik jiran di sisi Allah adalah seorang yang paling baik dengan jirannya.

2. Larangan Menyakiti Jiran dan Saranan Memuliakan Mereka

Islam melarang umatnya menyakiti hati jiran dan ahli keluarga mereka. Larangan ini melibatkan perkataan mahupun perbuatan yang boleh menyinggung perasaan mereka. Larangan menyakiti jiran dan anjuran memuliakan mereka bertepatan dengan riwayat Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah menyakiti tetangganya. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah memuliakan tetangganya dan barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah berkata yang baik atau -kalau tidak dapat berkata baik- maka hendaklah berdiam saja".

Berdasarkan hadis tersebut juga jelas dinyatakan bahawa perbuatan memuliakan jiran tetangga dan tidak menyakiti mereka adalah sangat dituntut. Dua prinsip asas dalam kehidupan berjiran ini perlu diamalkan dan diterapkan kepada setiap ahli kejiranan supaya kesejahteraan dan keharmonian dapat dipelihara.

## Konsep Manhaj Rabbani

Menurut Kamus Dewan (2005), kalimah '*rabbani*' bermaksud 'yang berkaitan dengan Tuhan (Allah SWT)'. Di samping itu, '*rabbani*' turut memberi pengertian 'yang mengabdikan diri kepada Tuhan disertai ilmu yang sempurna serta beramal dengannya (Ibrahim Mustafa et al., t.t). Menurut Sa'id Hawwa (t.t), kriteria muslim *rabbani* ialah mereka yang berilmu, mengabdikan diri kepada Allah serta bersifat zuhud. Hasan al-Banna (t.t) pula berpandangan bahawa elemen *rabbani* merupakan satu elemen asas kepada pembinaan kader dakwah dalam menjiwai pertautan utuh dengan Allah SWT, lantas ia menjadi benteng kepada para pendakwah daripada terjebak dengan fikrah kebendaan dan sebagainya. Pemahaman konsep *rabbani* turut dikembangkan oleh 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydani (1983) dalam perbahasan umat *rabbani* yang bersatu atas ikatan akidah Islam yang utuh serta melaksanakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangannya.

Dapat difahami bahawa manhaj *rabbani* merupakan satu sistem bernuansa ketuhanan yang mengembalikan pemahaman individu sebagai seorang '*ibad al-Rahman* di samping menyulam pertautan dan kebergantungannya yang mutlak kepada Pencipta dalam memahami tujuan kehidupan dan *ma'rifatullah* (Ramli Awang, 2008). Yusuf al-Qaradawi (2001) telah mengulas bahawa konsep *rabbani* merupakan suatu perkara pokok dalam tarbiah Islamiah lantaran matlamat ulung dalam tarbiah Islamiah adalah membentuk insan agar memiliki iman yang kental serta beristiqamah dengan amalan. Beliau menambah bahawa tiang asas kepada pembangunan modal insan ialah memiliki hati yang hidup yang bertautan dengan Allah SWT, yakin dengan pertemuan dan perhitungannya, mengharapkan rahmatnya, takut akan balasan buruknya, dan sebagainya.

Sa'id Hawwa (t.t) turut membincangkan kerangka manhaj *rabbani* bagi membangunkan modal insan menerusi karya beliau, *Ihya' al-Rabbaniyyah* dengan mengetengahkan beberapa elemen penting yang perlu dilaksanakan seperti *zikhrollah* serta pembudayaan ilmu. Menurut Sa'id Hawwa (t.t), binaan-binaan asas kepada konsep *rabbani* ialah penguasaan pengetahuan Islam klasik dan moden, penekanan akhlak Islamiah yang sempurna, penyuburan *tarbiah* rohani yang jitu, serta berparadigma *haraki* (gerakan Islam) yang sesuai dengan tuntutan arus perdana. Dengan memiliki ciri-ciri demikian, modal insan *rabbani* akan mampu untuk mengharungi badai tribulasi yang menerjah.

Seterusnya beliau telah memetik ayat al-Qur'an yang memaparkan ciri-ciri golongan *rabbani* yang diasuh dengan *tarbiah Islamiah* secara sempurna, antaranya menerusi surah Ali-'Imran 3:79 dan 146, serta surah al-Ma'idah 5:44 dan 63.18 Menerusi ayat-ayat al-Qur'an tersebut, maka terdapat tiga elemen khusus yang telah ditonjolkan oleh Sa'id Hawwa daripada manhaj *rabbani* iaitu elemen *thaqafi* (keilmuan), *ruhi* (kerohanian), dan *da'awi haraki* (aktivisme). Firman Allah SWT:

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah." Tetapi (sewajarnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah Taala - Dengan ilmu dan amal yang sempurna),

kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.” Ali-‘Imran 3:79.

Menerusi ayat di atas, kalangan ahli tafsir menjelaskan tafsiran mereka terhadap istilah tersebut. Ibn Kathir (2015) misalnya, mengambil pandangan *mufasssir* tersohor seperti Ibn ‘Abbas, al-Hasan al-Basri, Qatadah serta beberapa yang lain menjelaskan bahawa istilah “*rabbani*” adalah merujuk kepada golongan ahli hikmah, ahli ibadah, fuqaha serta ulama yang santun dan bertakwa yang mengajar dan menghafal kitab Allah SWT. Al-Baydawi menjelaskan bahawa golongan *rabbani* ialah orang yang mempunyai ilmu yang sempurna dan mengamalkan ilmu yang dimiliki. Al-Alusi pula mentafsir istilah “*rabbani*” berdasarkan antara pandangan Ibn Zaid yang mengatakan golongan *rabbani* sebagai orang yang bijak mentadbir segala urusan manusia (Hailan Salaman & Ashraf Abd Rahman, 2015). Sedangkan Sayyid Qutb (2000) di dalam *Fi Zilal al-Qur’an* pula menjelaskan bahawa *rabbaniyyin* ialah kalangan orang yang menghubungkan dirinya kepada Allah SWT selaku hamba-hambanya dan menghadap diri kepadanya dengan amalan-amalan ibadat, mengambil undang-undang serta peraturan hidup daripada Allah SWT serta mempunyai ilmu tentang kitab suci al-Qur’an kerana mempelajarinya.

Berdasarkan tafsiran kalangan *mufasssir* di atas dapatlah difahami bahawa golongan *rabbani* ialah mereka yang mempunyai ciri-ciri berilmu dan beramal dengan ilmu yang dimiliki, bertakwa, bijaksana, ahli ibadah, ahli hikmah, fuqaha’ serta bijak mentadbir segala urusan manusia. Walaupun terdapat perbezaan ciri yang diberikan oleh kalangan *mufasssir*, namun kesemua ciri inilah yang mendasari dan menunjangi personaliti golongan yang diistilahkan sebagai “*rabbani*”. Dengan itu al-Qaradawi (1981) misalnya, ketika mendefinisikan istilah “*rabbani*” ini tidak lari daripada ciri-ciri yang diberikan oleh para *mufasssir* apabila beliau mengatakan bahawa golongan *rabbani* itu ialah orang yang erat hubungan dengan Allah SWT, alim dengan agama Allah dan kitabnya serta mengajar kitab Allah SWT tersebut.

Menurut Sa’id Hawwa (t.t), bentuk-bentuk latihan bagi melahirkan golongan *rabbani* iaitu menerapkan keilmuan yang tinggi, beramal dengannya, serta menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain. Justeru, antara elemen yang menstruktur kerangka manhaj *rabbani* menerusi ayat di atas ialah pembangunan yang mendorong kepada pengabdian kepada Allah SWT disertai ilmu dan amal. Ayat di atas juga memaparkan suatu kerangka bagi manhaj *rabbani* yang terangkum padanya elemen, iaitu elemen *ruhi* dan elemen *thaqafi*. Elemen *ruhi* adalah penyucian jiwa manakala elemen *thaqafi* pula membincangkan aspek keintelektualan dan keilmuan dalam diri individu muslim. Dalam pada itu, elemen *da’awi haraki* turut menjadi sebahagian kerangka asas kepada manhaj *rabbani*. Perkara ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendeta-pendeta mereka melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan yang haram? Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan. Al-Mā’idah 5:63.

Antara ciri-ciri golongan *rabbani* ialah melaksanakan amar makruf nahi mungkar. Justeru, dapatlah dirumuskan di sini bahawa elemen *da'awi haraki* ialah latihan pembangunan dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar khususnya apabila bergabung dalam aktivisme yang tersusun. Tuntasnya, menerusi dalil-dalil al-Qur'an mengenai konsep *rabbani* di atas, terdapat tiga elemen penting yang diutarakan oleh Sa'id Hawwa (t.t) menjadi batu asas kepada manhaj rabbani dalam pembangunan modal insan iaitu elemen *thaqafi*, elemen *ruhi*, dan elemen *da'awi haraki*.

Dengan itu, apabila dikaitkan istilah "*rabbani*" dengan satu manhaj, kebiasaan ianya didefinisikan sebagai jalan yang jelas ke arah melakukan sesuatu kerja, metode pelaksanaan sesuatu kerja, cara atau kaedah melakukan sesuatu secara sistematik (Muhammad Yusuf et. al 2015), maka istilah "*manhaj rabbani*" itu menjadi bermakna sebagai jalan, metode atau kaedah bagaimana unsur-unsur rabbani itu dilaksanakan atau diterapkan untuk misalnya mencapai satu-satu tujuan tertentu. Dalam konteks penulisan ini manhaj rabbani mahu diguna atau diterapkan bagi menghasilkan pembangunan ummah dan kejiranan yang berkualiti.

### **Model Kejiranan Sedia Ada**

Manifestasi hubungan kejiranan boleh diperlihatkan dengan pelbagai komitmen dan salah satunya melalui rukun tetangga. Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975 berikutan dengan berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969. Skim ini telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri pada 29 Ogos 1975 dalam Sektor Rukun Tetangga Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur (Kementerian Perpaduan Negara, 2021).

Pada peringkat awalnya, Skim Rukun Tetangga ini berfungsi bagi mengawal keselamatan kawasan kediaman. Skim ini merupakan suatu langkah yang membolehkan rakyat sendiri mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka berikutan dengan beberapa kejadian yang mengancam keselamatan negara pada waktu itu. Dengan itu, tumpuan telah diberi kepada tugas rondaan yang diwajibkan kepada penduduk yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun yang menetap dalam kawasan Sektor Rukun Tetangga. Mulai 1 Januari 1983, kerajaan telah menyusun semula Skim Rukun Tetangga berkonsepkan semangat kejiranan untuk memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan komuniti setempat. Pelaksanaan skim ini dibuat mengikut tiga kategori iaitu Kawasan Rukun Tetangga, Sektor Pendaftaran, Sektor Keselamatan dan undang-undang berkaitan Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 telah pun dipinda bagi tujuan tersebut. Pada tahun 2001, Kerajaan telah memperkenalkan konsep pembangunan komuniti kepada Rukun Tetangga. Konsep ini bertujuan memperkasakan komuniti untuk berhadapan dengan cabaran dan perubahan gaya hidup semasa. Pada tahun 2010, Model Transformasi Rukun Tetangga telah diperkenalkan berpaksikan kepada lima (5) teras utama iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup melalui pelaksanaan program dan aktiviti Rukun Tetangga.





(Sumber: Kementerian Perpaduan Negara, 2021)

Berdasarkan keperluan semasa, Ordinan Darurat telah dimansuhkan pada tahun 2011. Satu undang-undang telah digubal dan dinamakan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) berkuat kuasa pada 22 Jun 2012. Akta ini memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti. Model Transformasi Rukun Tetangga yang berpaksikan 5 teras utama ini direalisasikan dengan perancangan aktiviti atau program yang memberi fokus kepada aspek berikut:

- i. Penggalakan – aktiviti mempromosikan perpaduan dan hubungan kejiiran.
- ii. Pencegahan – aktiviti bagi mencegahnya berlaku sesuatu konflik.
- iii. Pemulihan – aktiviti memulihkan hubungan kejiiran kesan daripada konflik yang berlaku.
- iv. Pencelahan – aktiviti menghalang konflik berlaku daripada merebak.

Berdasarkan fokus aktiviti atau program di atas secara tidak langsung membawa kepada kesejahteraan sosial dalam komuniti masyarakat setempat. Kehidupan seseorang boleh dianggap sebagai sejahtera apabila wujud perasaan seronok, gembira, selamat, disayangi dan dilindungi (Mohd Yusof Hussain et al. 2011). Sebaliknya apabila individu merasai tidak selamat, tidak seronok, tertekan, tidak puas hati dan dikelilingi masalah, gejala ini boleh membawa kepada kemerosotan kesejahteraan kehidupannya. Namun kesejahteraan sosial tidak sempurna jika hanya membataskan kepuasan, perasaan serta emosi yang dikaitkan dengan dunia semata-mata tanpa dorongan kepada pengabdian kepada Allah SWT yang disertai ilmu dan amal. Begitu juga tidak lengkap kesejahteraan sosial tanpa menekankan aspek pelaksanaan amar makruf nahi mungkar khususnya apabila diterapkan dalam aktiviti atau program kemasyarakatan. Oleh itu wujud keperluan pembinaan elemen model kejiiran berasaskan manhaj Rabbani bagi merealisasikan kesejahteraan sosial yang bukan hanya terbatas kepada aspek duniawi sahaja malah melangkaui juga aspek ukhrawi.

## PERNYATAAN MASALAH

Seperti mana yang telah dijelaskan tentang kelebihan dan peranan kejiiran yang baik berupaya membentuk masyarakat yang bersatu-padu, aman dan sejahtera. Antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah melancarkan

Dasar Komuniti Negara 2018 bertujuan untuk mendaya upaya komuniti di kawasan perumahan khususnya di kawasan perumahan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyelenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama. Berdasarkan pemerhatian mendapati bahawa dasar ini hanya meletakkan fokus kepada aspek keselamatan kesejahteraan infrastruktur sahaja. Walau bagaimanapun tiada sebarang petunjuk yang jelas dari dasar tersebut yang menitikberatkan aspek keperluan penghayatan dalam masyarakat terhadap mesej yang disampaikan oleh Nabi Muhamad SAW tentang isu pemeliharaan hak kejiranan sama ada dari segi hak fizikal, harta dan ibadah. Di samping itu juga tiada lagi usaha melibatkan kawasan perumahan secara umum.

Realiti yang berlaku pada masa kini juga memperlihatkan nilai kejiranan yang semakin pudar dan semakin kurang diamalkan seperti amalan bertegur sapa, bantu-membantu, bertukar makanan (Nurul Idayu, 2017; Maisarah Saidin et al., 2020). Hubungan kejiranan yang semakin renggang dan longgar ini dilihat berupaya menimbulkan konflik dalam sesebuah masyarakat. Paling membimbangkan konflik dan polemik yang berlaku dalam kalangan jiran tetangga melibatkan pihak berkuasa dan menjadi kes jenayah.

Ini terbukti dengan wujudnya beberapa insiden yang dilaporkan di dada-dada akhbar yang melibatkan pergaduhan dan mencederakan. Kes-kes yang berlaku ini kebanyakannya berkisar tentang isu bising (Noor Atiqah Sulaiman, 2018; Nor Farhani Che Ad, 2020), menegur anak (Norzamira Che Noh, 2022), sampah (Khairiyah Hanafi, 2020), tanaman, tempat meletak kenderaan (Ahmad Ismadi Ismail, 2021) dan mengabaikan hak jiran. Bahkan banyak lagi isu-isu kejiranan yang berlaku tidak dipanjangkan ke pihak berkuasa. Hakikatnya, hubungan kejiranan yang longgar dan tidak mesra ini memberi impak dalam kehidupan sosial masyarakat. Lebih membimbangkan sekiranya berterusan dan dibiarkan akan menyebabkan kerosakan yang lebih teruk kepada aset peribadi dan keharmonian institusi kejiranan dalam negara.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian literatur dan dokumentasi digunakan bagi mendapatkan data berkaitan dengan konsep, permasalahan serta keperluan pembinaan kejiranan berasaskan manhaj *Rabbani*.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Permasalahan Kejiranan di Malaysia**

Permasalahan kejiranan di Malaysia secara umumnya berkisar tentang isu-isu berbangkit dari masalah kebersihan, kesihatan, keselamatan (Nurhidayah Abdul Manap et al, 2020), keharmonian, keselesaan, masalah komunikasi dan kerjasama setempat (Mohd Yusof Hussain et.al,2011). Struktur kawasan dan geografi kawasan kejiranan mempengaruhi kewujudan permasalahan yang sering menjejaskan kualiti hubungan kejiranan setempat. Sebagai contoh, kawasan kejiranan di taman-taman perumahan lebih terdedah dengan isu-isu serta permasalahan berkaitan kebersihan, keselesaan dan masalah komunikasi berbanding struktur kejiranan di kawasan perkampungan. Ini disebabkan faktor kedudukan dan struktur bangunan di kawasan perumahan yang mempunyai limitasi premis kediaman, lorong atau jalan, kepadatan

populasi, kediaman bersambung dan perkongsian kemudahan. Tidak seperti di kawasan perkampungan kejiranan yang mempunyai sedikit ruang kebebasan sama ada dalam pergerakan, aktiviti pertanian, penternakan dan keluasan tapak kediaman. Cuma apa yang membezakan kedua-dua jenis kawasan kejiranan ini ialah kewujudan entiti pengurusan kawasan kejiranan yang agak sistematik bagi memudahkan sebarang aktiviti dan langkah-langkah pemantauan keselamatan dan kesejahteraan setempat yang agak jarang ditemui di kawasan kejiranan di kampung-kampung.

Mohd Yusof Hussain et.al (2011) merumuskan kesejahteraan hidup berdasarkan konsepnya yang subjektif sangat mempunyai hubung kait yang rapat dengan kejiranan kerana kesejahteraan merujuk kepada kualiti hidup individu dan masyarakat. Kesejahteraan juga boleh dianggap sebagai penanda aras untuk menentukan ciri-ciri kejiranan rabbani kerana wujud keperluan untuk mewujudkan suasana kejiranan yang selesa, gembira, selamat, berkasih sayang, tiada tekanan atau gangguan, keikhlasan, ketenangan, kerjasama dan keharmonian.

### **Keperluan Pembinaan Elemen Model Kejiranan Berasaskan Manhaj Rabbani**

Selari dengan matlamat syarak (*maqasid syariah*) ke arah penjagaan nyawa, agama, akal fikiran, keturunan dan harta benda, kehidupan berjiran perlu mengambil kira semua aspek yang merangkumi kelima-lima komponen tersebut bagi menjamin kesejahteraan kawasan kejiranan. Kestabilan hidup berjiran melalui kerjasama setempat untuk memelihara keselamatan diri semua ahli keluarga dan harta benda, pemantauan terhadap sebarang salah laku atau kacau ganggu yang boleh menjejaskan kestabilan emosi, akhlak dan hubungan sesama jiran merupakan di antara ciri-ciri kejiranan rabbani atau kejiranan yang menjadikan hukum syarak serta nilai-nilai Islam sebagai asas pembentukan kejiranan yang harmoni. Pembinaan model kejiranan rabbani merupakan satu usaha yang signifikan untuk membantu masyarakat atau struktur populasi di negara ini membentuk persekitaran kejiranan yang selesa, tenang, bersih, selamat dan selari dengan norma-norma agama serta *akhlak islamiyah*.

Oleh yang demikian, ke arah pembentukan model kejiranan *rabbani*, beberapa elemen penting perlu dikenal pasti melalui prinsip-prinsip yang telah diajar oleh junjungan Nabi Muhammad s.a.w atau melalui dalil-dalil syarak sama ada al-Quran atau hadis. Secara umumnya kejiranan berasaskan manhaj *rabbani* akan mengambil kira beberapa aspek berikut:

- i. Pengurusan dan kepimpinan di kawasan kejiranan
- ii. Kebersamaan dan komitmen penduduk setempat
- iii. Penentuan hak dan limitasi kawasan peribadi
- iv. Keselamatan dan kebersihan
- v. Adab dalam berkomunikasi
- vi. *Hablumminallah wahaablumminnas*
- vii. Toleransi kaum/bangsa

### **KESIMPULAN**

Isu dan permasalahan berkaitan dengan kejiranan sentiasa berlaku dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Walaupun telah pelbagai usaha dirangka dan dirancang oleh pihak yang

berkenaan. Masalah-masalah yang timbul kebanyakan berkisar dengan isu kebersihan, kesihatan, keselamatan, keharmonian, keselesaan, komunikasi dan kerjasama setempat. Permasalahan ini boleh dikatakan berlaku diseluruh Kawasan-kawasan utama di Malaysia. Dengan ini, penerapan nilai-nilai persaudaraan Islam dan elemen Rabbani dalam kejiranan pada masa kini berupaya membentuk masyarakat yang sejahtera, bersatu padu serta hidup dalam aman dan harmoni. Hal ini kerana nilai dan elemen yang dijelaskan menepati dengan kehendak dan keperluan manusia tidak kira bangsa dan agama. Justeru itu, kehidupan berjiran dalam suasana yang harmoni serta sejahtera serta persaudaraan yang kukuh mampu menjamin kestabilan politik, mengurangkan kadar jenayah sekaligus dapat menjaga kebajikan sosial masyarakat.

## ACKNOWLEDGEMENT

Kajian ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2022 (2022/P/GPIK/GPS-09/018)

## RUJUKAN

- Hamzah, Mohammad Faiz Mukmin, Mohd Hasbie dan Siti Rabiah Nor. (2018). Konsep Dan Hak Jiran Di Dalam Al-Quran Dan Al-Sunnah: Satu Kajian. 4th *International Conference on Islamiyyat Studies 2018*. 18th - 19th September 2018. Tenera Hotel. Bandar Baru Bangi. Selangor
- Hawwa, Sa'id. (1984). *Ihyā' al-Rabbaniyyah*. Al-Ijabat. Kaherah. Dar al-Salam.
- Hawwa, Sa'id. (2017). *Syarah al-Hikam Ibnu 'Atha'illah As-Sakandari: Mencapai Maqam Shiddiqun dan Rabbaniyun*. Terj. Imran Affandi. Selangor. Pustaka Dini.
- Hawwa, Sa'id. 1988. *al-Mustakhlis fi Tazkiyat al-Anfus*. Misr. Dar al-Salam.
- Hasan al-Banna. (t.t.) *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*. Kaherah. Dar-al-Shihab.
- Hailan Salamun dan Ashraf Ab Rahman. (2015). Pertimbangan Ketuhanan Dalam Kepimpinan Politik Rabbani Masyarakat Melayu. Proceedings of ICIC 2015. *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.
- Ibrahim Mustafa. (t.t.) *Al-Mu'jam al-Wasiṭ*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah li al-Tiba'ah wa a-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibnu Kathir. (2020). *Tafsir Ibnu Katsir*. Terj. Arif Rahman Hakim, Shahirul Alim al-Adib, Muhammad Zaini, Nila Nur Fajariyah dan Muh. Faqih Fatwa. Solo. Penerbit Insan Kamil.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali. (1959). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut. Dar al-Ma'rifah.
- Kamus Dewan, ed. ke-4. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Perpaduan Negara. (2021). Panduan Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga. Selangor.

- Mohd Syarifudin Abdullah, Mazdi Marzuki, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Khairul Ghufran Kaspin. (2020). Penubuhan Rukun Tetangga (Rt) Di Malaysia Daripada Perspektif Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 6(1), 2020 99-111, e-ISSN: 2289-960X.
- Mohd Yusof Hussain, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Suraiya Ishak dan Abdul Hair Awang. (2011). Hubungan Kejiranan Dalam Membentuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat 'Kampung Bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *Malaysian Journal of Society And Space*. Vol 7 (3). 36-44.
- al-Maydani, 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah. (1983). *Al-Ummah al-Rabbaniyyah al-Wahidah*. Damsyik. Dār al-Qalam.
- Maisarah, Siti Mardhiyah dan Norwrdatun. (2020). Peranan Institusi Kejiranan Ketika Pandemik Covid-19 Menurut Perspektif Sunnah. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*. Vol. 16, No. 2, (2020), pp. 48-68.
- Noor Atiqah Sulaiman. (2018). Hilang sabar tikam jiran sering buat bising. Berita harian. Di ambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/05/431977/hilang-sabar-tikam-jiran-sering-buat-bising>
- Nor Farhani Che Ad. (2020). Tetak Jiran Didakwa Selalu Bising. MyMetro. Diambil dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/566290/tetak-jiran-didakwa-selalu-bising>,
- Nur Hidayah Abdul Manap, Zurinah Tahir dan Jalaluddin Abdul Malek. (2020). Faktor Pemilihan Perumahan Komuniti Berpagar Dan Kepentingan Rukun Tetangga Dalam Pencegahan Jenayah. *Journal of Social Sciences and Humanika*. Vol.17. No.8. 234-245.
- al-Nawawi. (2000). *Al-Minhaj ala Syarh Sahih Muslim*. Amman. Dar al-Alamiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2001). *Al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna*. Beirut. Lubnan.
- Qutb, Sayyid. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Di bawah Bayangan al-Qur'an*. Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kota Bharu. Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Ramli Awang. (2008). *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur. Al-Hidayah Publication.
- Suriani Sudi dan Halimatus Sa'diah. (2018). Hak-hak Kejiranan Menurut Perspektif al-Sunnah. *Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2018*. 7th Mac 2018. ILIM. Bangi. Selangor. e-ISBN :978-967-2122-37-1